

Berita Harian 9 October 2019

BISNES » Lain-lain (Bisnes) Rabu, 9 Oktober 2019 | 1:27pm



PRESIDEN Sun Life Malaysia, Raymond Lew. - Foto Mohamad shahril Badri Saali

Pelepasan cukai boleh tingkat penyertaan dalam insurans -Sun Life







KUALA LUMPUR: Kemungkinan pelepasan cukai yang lebih tinggi diyakini dapat meningkatkan penyertaan orang ramai dalam insurans, kata Sun Life Malaysia.

Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata syarikat itu menyokong sepenuhnya langkah kerajaan untuk memisahkan pelepasan cukai bagi kategori insurans hayat dan takaful dalam cukai pendapatan, dengan kelonggaran itu akan meningkatkan penyertaan dalam industri insurans.

"Kami percaya ini akan memberi motivasi dan menggalakkan lebih banyak rakyat Malaysia membeli insurans sebagai satu bentuk perlindungan, dan melihatnya sebagai keperluan apabila diperlukan kelak," katanya.

Menurut statistik, hanya 30 peratus daripada golongan berpendapatan rendah mempunyai insurans berbanding 50.4 peratus dalam kalangan kategori berpendapatan tinggi.

Lew berkata, kesedaran orang ramai berhubung pentingnya insurans dan takaful berbeza mengikut kemampuan kewangan.

"Sebagai antara segmen yang paling terdedah dan kurang mendapat perhatian, kumpulan B40 kurang dilindungi kerana isi rumah berpendapatan rendah ini kekurangan sumber dari segi pendapatan dan akses kepada pilihan perlindungan pada harga berpatutan," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan perlu memberi lebih banyak sokongan kepada pendidikan awam dan kesedaran berhubung pentingnya insurans dan takaful di seluruh negara.

"Sehubungan itu, kami menyokong sepenuhnya Strategi Kebangsaan bagi Literasi Kewangan 2019-2023 oleh kerajaan kerana ia adalah langkah yang betul untuk meningkatkan literasi kewangan di Malaysia," katanya. - BERNAMA